

30 peniaga Pusat Bandar Utara Selayang kena kompaun

Tidak boleh sama barang

Oleh ROSLAH OTHMAN

kota@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 14 Julai – Seawal pukul dua hingga enam pagi, suasana di premis perniagaan di Pusat Bandar Utara, Selayang sama meriahnya dengan Pasar Borong Kuala Lumpur.

Terletak hanya beberapa ratus meter sahaja antara satu sama lain, peniaga di kedua-dua kawasan itu bersaing untuk mendapat pelanggan.

Namun, tidak ramai yang menyedari bahawa perniagaan yang dijalankan oleh peniaga di Pusat Bandar Utara selama ini adalah salah kerana menyamai perniagaan borong di Pasar Borong Kuala Lumpur.

Bukan sekali atau dua kali pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan notis tahu kompaun bagi kesalahan yang dilakukan oleh mereka itu.

Umpama mencuci air ke daun keladi, sebahagian peniaga buang ambil sikap tidak ambil risau. "Beranggapan ia adalah soal kecil," ujar Ab. Salim.

Bagaimanapun, sikap peniaga itu akhirnya membuat diri apabila dalam 'Ops Pembersihan' yang dijalankan pihak berkuasa tempatan itu hari ini, sebanyak 30 daripada 38 premis di kawasan berkenaan

dikenakan kompaun.

Timbalan Pengarah Operasi, Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan DBKL, Ab. Salim Mansor berkata, operasi itu diadakan selepas pemilik premis di Pusat Bandar Utara dilihat masih berdegil dan mengulangi kesalahan sama.

Menurutnya, premis berkenaan bukan sahaja tidak mempunyai lesen perniagaan secara sah, sebaliknya turut didakwa atas beberapa kesalahan lain termasuk membina sambungan tanpa kebenaran dan menempatkan kontena atau bilik dingin beku di hadapan premis.

"Dalam undang-undang kecil pasar borong, perniagaan yang sama atau menyerupai perniagaan yang ada dalam pasar borong adalah tidak dibenarkan sama sekali dalam lingkungan dua kilometer.

"Di sini, adalah jelas pengusaha membuka perniagaan sama seperti di pasar borong," katanya pada sidang media yang diadakan selepas Ops Pembersihan di sini hari ini.

Dalam operasi itu, daripada 45 notis yang dikeluarkan, DBKL merobohkan 10 sambungan tanpa kebenaran, manakala 35 pemilik premis mengambil inisiatif membukanya sendiri.

DBKL juga menyita kontena lima pemilik premis kerana kesalahan mengha-

lang laluan pejalan kaki dan lalu lintas.

Bagi kesalahan meletakkan kontena atau bilik dingin beku di luar premis, DBKL akan mengambil tindakan sehingga membawa kes itu ke mahkamah.

Menurutnya, walaupun terdapat bantahan daripada peniaga, namun pihak berkuasa tempatan itu melihat ia sebagai tindakan paling berhemah kerana beberapa notis sudah dikeluarkan sebelum ini.

Operasi bersepada selama lebih enam jam itu turut disertai pelbagai jabatan termasuk Jabatan Pelesenan, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kesihatan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Difahamkan, operasi berkenaan merupakan operasi ketiga sejak 2008.

Menurut Ab. Salim, bagi memastikan peniaga tidak mengulangi kesalahan sama, DBKL akan melakukan pemantauan dari semasa ke semasa.

Tambahnya, berdasarkan kepada operasi yang diadakan sebelum ini, jumlah kesalahan yang dilakukan dilihat semakin menurun dan keadaan kebersihan di situ juga semakin terkawal.

"Apa yang diharapkan ialah operasi kali ini dapat memberi pengajaran kepada pemilik premis di sekitar kawasan ini agar lebih mematuhi undang-undang," ujarnya.



PENGUAT kuasa DBKL meruntuhkan sambungan haram yang dibina pada salah satu premis kedai di dalam operasi di Pusat Bandar Utara, Selayang, semalam. – UTUSAN/MOHD. SAIFUDIN RASHID

G9
KUALA LUMPUR KOLEKSI DIGITAL PERPUSTAKAAN

